

Aurat Dalam Perubatan

Aurat In Medical

Muhammad Wafiyuddin Abdullah
¹Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹izzar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Setiap Muslim berkewajipan untuk menutup aurat. Ia bertujuan untuk menjaga kehormatan diri daripada dilihat oleh orang lain. Terdapat perbezaan batas antara sesama mahram dan bukan mahram. Namun, kepekaan masyarakat terhadap isu menutup aurat amatlah rendah lebih-lebih lagi jika ianya berkaitan dengan perubatan. Justeru, artikel ini menerangkan batas aurat dalam perubatan menurut perspektif Islam. Kesedaran masyarakat berkenaan batas dan kewajipan menutup aurat perlu dipertingkatkan terutamanya ketika menerima rawatan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan rekabentuk analisis dokumen seperti buku, jurnal dan artikel. Data dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati umat Islam wajib menutup aurat iaitu daripada paras pusat hingga lutut bagi lelaki manakala seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua telapak tangan bagi wanita. Selain itu, terdapat juga kelonggaran berkaitan aurat iaitu aurat boleh dibuka bagi tujuan perubatan kerana ianya dikategorikan sebagai rukhsah tetapi mempunyai had dan batasan yang telah digariskan oleh syarak seperti bukaan aurat hanya pada tempat yang ingin dirawat sahaja.

Kata kunci: Aurat, Batas, Perubatan, Rukhsah, Wajib

ABSTRACT

Every Muslim is obliged to cover his private parts. It aims to keep self-esteem from being seen by others. There is a boundary difference between fellow mahrams and non-mahrams. However, the community's sensitivity to the issue of covering the aurat is very low, especially if it is related to medicine. Thus, this article describes the limits of aurat in medicine according to the Islamic perspective. Public awareness of the limits and obligation to cover the aurat needs to be increased, especially when receiving treatment. This study uses a qualitative methodology with the design of document analysis such as books, journals, and articles. The data was analyzed descriptively. The findings of the study found that Muslims are obliged to cover their aurat from the navel to the knees for men, and the whole body except the face and both palms for women. Apart from that, there is also a relaxation related to aurat. That is, aurat can be opened for medical purposes because it is categorized as rukhsah but it has limits and restrictions that have been outlined by Islamic law, such as opening the aurat only in the place to be treated.

Keywords: Aurat, Boundaries, Medic, Rukhsah, Obligate

1. Pengenalan

Islam adalah agama yang syumul yakni merangkumi seluruh aspek kehidupan. Ia meliputi kesemua domain manusia, yakni kognitif, afektif dan psikomoto. Dari sudut psikomoto atau tingkah laku, Islam telah menggariskan sistem kehidupan serta peraturan yang menyeluruh bermula dari bab bersuci sehinggalah kepada perbahasan yang menyentuh tentang pentadbiran dan kenegaraan. Perbahasan ini diwacanakan dalam bidang fiqh yang meliputi pelbagai tajuk termasuklah dalam bidang perubatan.

Ilmu perubatan sememangnya diiktiraf oleh Islam. Ia terbahagi kepada kepada dua jenis. Pertama, rawatan hasil daripada kajian dan pengalaman seperti yang diamalkan doktor dan pengamal perubatan yang memanfaatkan teknologi dan kemodenan. Kedua, rawatan yang disebut sebagai *ruqyah* (jampi) iaitu bacaan-bacaan yang diajar oleh Nabi SAW dan para sahabat termasuklah perubatan secara alami yang menjadi rawatan alternatif dalam ikhtiar mendapatkan kesembuhan. Ilmu perubatan yang terhasil daripada kajian adalah diiktiraf di dalam Islam dan bukannya secara membuta tuli atau rasa-rasa. Sabda Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً
فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

Maksud: “*Sesungguhnya Allah menciptakan penyakit dan ubat, maka berubatlah dan jangan kamu berubat dengan yang haram.*”

Persoalan berkaitan aurat sering timbul apabila ianya dikaitkan dengan perubatan. Walau bagaimanapun keadaanya, pengamal perubatan muslim mestilah menjaga batasan aurat yang telah ditetapkan dalam syara'. Mereka perlu mengambil berat berkenaan perkara ini dan juga menyedarkan para pesakit berkenaan kewajipan menutup aurat. Salah faham yang berlaku ialah kewajipan menutup aurat sering dipandang remeh oleh masyarakat ketika menerima rawatan dengan alasan tidak perlu menjaga aurat ketika dalam keadaan sakit.

Pengabaian mengenai batas aurat samada oleh perawat atau pesakit perlu untuk ditangani dengan berhemah, meliputi aspek hukum hakam syara' dan juga etika dalam perubatan yang melibatkan sentuhan dan bukaan aurat pesakit pada kadar batasan yang telah ditetapkan oleh syarak. Oleh itu, artikel ini membincangkan tentang isu batas aurat dalam perubatan menurut perspektif Islam bagi menyatakan peri pentingnya penjagaan aurat walaupun dalam keadaan sedang menerima rawatan.

2. Tinjauan Literatur

Sorotan yang dijalankan menemui kajian Jasmin Jasman (2003) yang menyebut berkaitan definisi aurat bahawa dengan perkataan aurat itu sendiri berasal daripada perkataan Arab yang kemudiannya telah dimelayukan. Pendefinisian melalui perkataan asal dalam bahasa arab yang bermaksud *al-Sau'at* (kemaluan) juga dinukilkan oleh Paizah Hj Ismail dalam jurnalnya iaitu “*Aurat Wanita: Konsep Dan Hukum Mengenalinya*”. Seterusnya, Farah Wahida Mohd Yusof menerusi kajian “*Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat*” pula, beliau hanya mengkaji tahap pengetahuan dan pengamalan masyarakat wanita muslim berkaitan kewajipan menutup aurat. Beliau tidak mengaitkan soal aurat dalam perubatan dalam kajian beliau.

Selain itu, terdapat juga kajian yang menerangkan hukum-hukum menutup aurat seperti kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahman (2012) yang di dalamnya terkandung penjelasan mengenai tanda-tanda baligh yang ditetapkan oleh syarak berdasarkan kitab-kitab muktabar seperti Fiqh al-Manhaji. Beliau juga membawakan dalil-dalil menutup aurat yang telah disyariatkan oleh Islam bagi menjawab hukum menutup aurat. Selain itu, dalam kajiannya yang bertajuk “13 Aurat Wanita” ada menerangkan berkaitan aurat seseorang muslim dengan mahramnya. Dalam kajian tersebut, beliau juga menyentuh berkaitan aurat sesama jantina bukan muslim. Beliau hanya menyentuh berkenaan aurat yang wajib ditutup oleh wanita muslim.

Selain itu, terdapat juga di dalam kajian yang dijalankan oleh Alias Othman yang bertajuk “Islam Yang Mudah” dan Prof Madya Dr. Basri Ibrahim al-Azhari yang bertajuk “Batas Aurat Dalam Islam” yang memperkatakan perbincangan mengenai aurat dengan bukan mahram mengikut pandangan beberapa mazhab. Dalam kajian yang dilakukan oleh Ahmad Adnan Fadzil pada tahun 2011 di mana beliau menyentuh berkaitan aurat seseorang wanita tua. Kesemua kajian yang dilakukan di atas menyentuh perihal aurat dalam Islam tetapi tidak menyebutnya dalam konteks perubatan secara khusus.

3. Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan metod kualitatif dengan rekabentuk kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan sangat penting bagi pengkaji mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan konsep, info yang berkaitan dengan penjagaan batas-batas aurat dalam perubatan menurut perspektif Islam. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif sesuai dengan objektif yang digariskan.

4. Dapatan Dan Perbincangan

4.1 Definisi

Perkataan aurat sebenarnya berasal daripada perkataan arab yang dimelayukan. Dari segi bahasa Melayu, perkataan aurat terbahagi kepada tiga makna yang berbeza iaitu, bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup, ataupun kemaluan, ataupun telanjang. Ketiga-tiga maksud ini bertepatan dengan pernyataan Jasmin Jasman (2003) bahawa penjagaan aurat merupakan pemeliharaan keaiban diri. Dari segi bahasa Arab pula, aurat boleh diertikan sebagai *al-Sau'at* (kemaluan). Paizah (2004) menukulkan bahawa Ibn al-Athir menyatakan, maksud asal bagi perkataan *al-Sau'at* ialah *al-Farj* (kemaluan wanita) dan apa sahaja yang memalukan, sama ada berlaku dalam bentuk kata-kata atau perbuatan.

Firman Allah S.W.T. dalam surah Taha ayat ke 121:

فَأَكَلَا مِنْهَا فَبَدَتَ لَهُمَا سَوْءَاتُهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ
عَلَيْهِمَا مِنْ وَرَقِ الْجَنَّةِ وَعَصَىٰ آدَمُ رَبَّهُ فَغَوَىٰ

Maksudnya: Kemudian mereka berdua memakan dari pohon itu, lalu terdedahlah kepada mereka aurat masing-masing, dan mereka mulailah menutupnya dengan daun-daun dari Syurga; dan Dengan itu derhakahlah Adam kepada Tuhannya, lalu tersalah jalan (dari mencapai hajatnya).

Di dalam Tafsir Fi Zilalil Quran ada dinyatakan kata-kata aurat di dalam ayat ini

ialah aurat-aurat tubuh badan yang terdedah kepada mereka, sedangkan selama ini aurat itu tertutup dari mereka. Aurat itu ialah bahagian anggota yang menjadi tempat kehormatan pada tubuh badan mereka. Secara kesimpulannya, aurat mempunyai pengertian khusus dan umum. Khususnya, aurat membawa maksud kemaluan dan perkara yang seerti dengannya. Umumnya, aurat bererti segala perkara yang dianggap kurang menyenangkan untuk diperlihatkan kepada orang.

4.2 *Hukum*

Di dalam kitab *al-Mubadda'*, Abu Ishaq menyatakan aurat lelaki dan budak perempuan adalah antara pusat dan lutut. Jika warna kulitnya yang putih dan merah masih kelihatan, maka tidak disebut menutup aurat. Namun, jika warna kulitnya tertutup, walaupun bentuk tubuhnya masih kelihatan, maka solatnya sah. Sedangkan aurat wanita adalah seluruh tubuh, hingga kukunya (Abu Ishaq. T.th). Ibnu Hubairah menyatakan, bahawa inilah pendapat yang masyhur. Al-Qadliyy berkata, ini adalah pendapat Imam Ahmad yang berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W. iaitu seluruh badan wanita adalah aurat. Dalam mazhab ini tidak ada perselisihan tentang kebenaran wanita membuka wajahnya ketika dalam solat, seperti yang telah disebutkan di dalam kitab *al-Mughniyy*, dan lain-lainnya.

Di dalam kitab *al-Mughniyy*, Ibnu Qudamah menyatakan, bahawa sesungguhnya, apa yang ada di bawah pusat hingga lutut adalah aurat (Ibnu Qudamah. T.th.). Dengan erti kata lain, yang ada diantara pusat dan lututnya adalah auratnya. Ketentuan ini berlaku untuk lelaki dewasa mahupun kanak-kanak kerana ianya telah merangkumi kepada kedua-duanya. Sedangkan pusat dan lutut bukanlah termasuk aurat, seperti yang dituturkan oleh Imam Ahmad. Pendapat seperti ini dipegang oleh Imam Syafie dan Malik.

Abu Hanifah berpendapat bahawa lutut juga termasuk dalam aurat. Para ulama bersepakat bahawa wanita boleh membuka wajahnya di dalam solat, dan dia tidak boleh membuka selain muka dan kedua telapak tangannya. Sedangkan untuk kedua telapak tangan ada dua riwayat, dimana para ulama berbeza pendapat, apakah ianya termasuk dalam aurat ataupun bukan. Majoriti ulama bersepakat bahawa seorang wanita boleh membuka wajah dan mesti memakai tudung yang menutupi kepalanya. Jika seorang wanita solat, sedangkan kepalanya terbuka, dia wajib mengulangi solatnya (Paizah. 2004). Imam Malik, Auza'iy, dan Syafie berpendirian bahawa seluruh tubuh wanita adalah aurat, kecuali muka dan kedua telapak tangan. Selain keduanya wajib untuk ditutup ketika hendak mengerjakan solat.

Di dalam kitab *al-Furu'*, karya salah seorang ulama Hanbali, juga ditulis berkenaan aurat iaitu seluruh tubuh wanita adalah aurat kecuali muka dan kedua telapak tangan, manakala aurat lelaki adalah antara pusat dan lutut (Al-Muqdisiy. 1997). Kenyataan ini merupakan kenyataan yang disokong oleh jumhur ulama. Dalam kitab *Kifayat al-Thalib*, Abu al-Hasan al-Malikiyy (T.th) menyatakan aurat lelaki adalah mulai dari pusat hingga lutut, dan kedua-duanya (pusat dan lutut) termasuk aurat. Manakala aurat wanita adalah seluruh tubuh, kecuali muka dan kedua telapak tangan. Oleh itu, berdasarkan kepada kenyataan di atas, hukum menutup aurat adalah wajib bagi setiap umat Islam iaitu daripada paras pusat hingga lutut bagi lelaki dan seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua telapak tangan bagi wanita.

4.3 *Perubatan*

Istilah perubatan berasal daripada latin iaitu *medicīna* dan merujuk kepada sains yang

mbolehkan untuk mencegah dan menyembuhkan penyakit daripada badan manusia. *Medicamentum* pula merujuk kepada bahan yang membolehkan untuk menghalang, melegakan atau menyembuhkan penyakit. Ilmu Perubatan telah wujud sejak beribu-beribu tahun. Ia dianggap sebagai sebuah bidang kemahiran dan pengetahuan yang seringkali berhubung-kait dengan kepercayaan keagamaan dan falsafah sesebuah kebudayaan setempat. Contohnya, seorang pawang akan menggunakan herba-herba dan membaca doa untuk pengubatan, atau seorang tabib akan menggunakan pembekaman menurut teori humorisme.

Semenjak kewujudan sains moden, kebanyakan perubatan telah menjadi gabungan antara seni dan budaya dengan ilmu sains termasuk sains asasi dan sains gunaan sehingga membentuk bidang sains perubatan. Sementara teknik menjahit sutur iaitu jahitan bagi merapatkan tisu badan setelah kecederaan atau pembedahan adalah sejenis seni yang dipelajari melalui latihan, pengetahuan mengenai perkara yang berlaku di tahap sel dan molekul pada tisu-tisu yang dijahit muncul daripada sains. Dengan perkembangan dalam bidang sains dan perubatan, semakin banyak kaedah yang ditemukan bagi merawat pelbagai penyakit seperti pembedahan yang melibatkan sentuhan dan bukaan aurat. Terdapat beberapa syarat dan panduan yang telah digariskan oleh hukum syarak dan inilah isu yang menjadi fokus artikel ini.

4.4 Perubatan dan Batas Aurat

Kondisi berada dalam keadaan sakit yang memerlukan kepada rawatan, boleh diperkirakan sebagai darurat. Darurat ialah keperluan yang sangat diperlukan oleh manusia. Adapun darurat menurut ulama fiqh adalah berhajatnya manusia itu kepada batasan iaitu perkara yang dilarang oleh syarak dan jika sekiranya tidak mengambil perkara yang dilarang itu maka akan binasalah manusia tersebut ('Umar 'Abd al-Lah Kamil. 2000). Dalam konsep darurat ini, rujukan terhadap al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W. adalah perlu diutamakan sebagai kayu pengukur. Penjelasan dari para ulama muktabar dijadikan panduan di dalam memahami dalil-dalil yang dikeluarkan daripada al-Quran dan Hadis.

Sabda Rasulullah S.A.W. bermaksud:

Tidak boleh memudaratkan (diri sendiri) dan tidak boleh memudaratkan (orang lain).
(Riwayat Ibnu Majah, Malik, Hakim, Baihaqi dan Daruqutni).

Daripada hadis ini, para ulama telah mengeluarkan beberapa kaedah fiqh dan di antaranya ialah darurat boleh mengharuskan perkara yang diharamkan dengan syarat darurat tersebut tidak kurang daripada perkara yang diharamkan. Kaedah di atas merupakan suatu kaedah yang amat terkenal di dalam menjelaskan berkenaan darurat ini terutamanya keharusan wanita dirawat oleh lelaki asing ataupun sebaliknya beserta beberapa kaedah lain lagi.

Allah Taala telah mensyariatkan agama Islam ini bertujuan untuk menjaga lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal, dan harta. Penjagaan dan pemeliharaan kelima-lima perkara ini sudah pastilah membawa kepada berlakunya perkara-perkara darurat pada sesetengah keadaan. Darurat yang datang untuk memelihara maqasid syariah boleh mengharuskan perkara yang diharamkan apabila berlaku pertembungan antara dua kemudahan dengan memilih kemudahan yang paling ringan ('Umar 'Abd al-Lah Kamil. 2000). Di samping itu, pemahaman mengenai fiqh alawiyat begitu penting bagi memastikan istilah darurat tidak disalahgunakan sesuka hati.

Berikut adalah syarat-syarat bagi memastikan kemudharatan (Dr. Muhammad Rafiqi Hehsan, 2015):

- 1- Perkara yang betul-betul berlaku dan bukan perkara jangkaan.
- 2- Tiada cara lain untuk mempertahankan kemudharatan melainkan mengambil perkara yang dilarang oleh syarak.
- 3- Wajib ke atas orang yang terpaksa (mengambil mudarat) menjaga kadar darurat tersebut kerana apa yang diharuskan di dalam keadaan darurat diukur berdasarkan kadar darurat tersebut.
- 4- Wajib ke atas orang yang terpaksa (mengambil mudarat) mempertahankan darurat berdasarkan kaedah: Menolak kerosakkan (lebih besar) dengan (kemudian) kerosakkan (besar).
- 5- Orang yang terpaksa (mengambil mudarat) perlu mengutamakan rukhsah terlebih dahulu.

Di antara keadaan yang boleh dikatakan sebagai darurat adalah terpaksa melihat aurat dan menyentuh bukan mahram ketika mengubati pesakit dengan beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Darurat yang dimaksudkan di sini adalah apabila tiada doktor sejantina untuk merawat pesakit yang kronik dan jika tidak dirawat segera boleh menyebabkan kematian dan kesakitan berterusan, maka dibolehkan doktor yang bukan sejantina merawat pesakit tersebut dengan beberapa syarat yang telah digariskan syarak.

Tiada khilaf keempat-empat mazhab mengenai keharusan melihat aurat perempuan bagi doktor lelaki atau perawat lelaki ketika di dalam keadaan darurat. Namun di sana diletakkan syarat-syarat yang perlu diikuti bagi keharusan melihat aurat dan menyentuh bukan mahram ketika darurat untuk merawat pesakit. Berikut di antara dalil-dalil berkenaan keharusan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak pada asalnya ketika berlaku darurat.

وَجُهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ اجْتَبَىٰكُمْ وَمَا جَعَلَ
عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ مِّلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ هُوَ
سَمَّىٰكُمْ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ
شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَأَقِيمُوا
الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَىٰكُمْ
فَنِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ النَّصِيرُ

Maksudnya: *Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan. (Ikutilah) agama orang tuamu Ibrahim. Dia (Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang muslim dari dahulu, dan (begitu pula) dalam (Al Quran) ini, supaya Rasul itu menjadi saksi atas dirimu dan supaya kamu semua menjadi saksi atas segenap manusia, maka dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat dan berpeganglah kamu pada tali Allah. Dia adalah Pelindungmu, maka Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong. (Surah al-Hajj: Ayat 78).*

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ الْمَيْتَةَ وَالْدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا
أَهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ
عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.* (Surah al-Baqarah: Ayat 173).

Menurut hukum asal yang telah ditetapkan syarak, tidak harus bagi seseorang perempuan itu diubahi oleh lelaki dan sebaliknya. Ini kerana mengubati seseorang yang berlainan jantina itu boleh membawa kepada melihat dan menyentuh bukan mahram. Para ulama telah menetapkan bahawa, aurat perempuan adalah seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan manakala aurat lelaki adalah dari pusat hingga lutut. Inilah pendapat jumhur ulama berkenaan dengan batasan aurat. Adapun menyentuh bukan mahram juga tidak dibenarkan oleh para ulama. Walaupun begitu, perkara ini dapat diringkaskan jika berlaku darurat seperti ingin merawat orang sakit.

Menyentuh hukum keharusan membuka aurat kerana keperluan perubatan ini pula, ulama' hanya meletakkan garis panduan secara umum iaitu yang berkaitan dengan situasi dan kadar keharusan. Situasi yang dimaksudkan ialah melihat kepada keadaan darurat atau hajat yang dialami pesakit mengikut perspektif perubatan yang boleh mengancam nyawa mereka. Selain itu, keharusan membuka aurat juga perlu mengikut kadar yang diperlukan sahaja berdasarkan kaedah $\check{u}U\theta h\lambda \quad \theta h\lambda F \quad \sim \theta y\theta BP\check{U}$ (keadaan darurat itu ditentukan dengan kadarnya) (al-Sayuti. 1997). Kaedah ini terpakai dalam menganalisis keperluan berkaitan dengan aurat sama ada membuka, melihat, ataupun menyentuh. Kebenaran membuka aurat secara tidak langsung berkait dengan kebenaran melihat kepada aurat tersebut. Hal ini kerana dibenarkan membuka aurat kerana adanya keperluan perubatan yang memerlukan kepada perawat melihat di tempat aurat tersebut, bahkan adakalanya memerlukan kepada menyentuh apabila melakukan pemeriksaan yang lebih mendalam.

Secara lebih terperinci, para fuqaha' bersepakat mengharuskan melihat aurat wanita ketika darurat dan ketika adanya keperluan seperti tujuan perubatan. Mereka juga memperincikan keharusan tersebut bertepatan dengan hukum rukhsah dan kaedah yang menjadi batasan kepada hukum tersebut. Fuqaha' Hanabilah mengharuskan melihat tubuh pesakit wanita sekalipun pada farajnya dan dilakukan oleh seorang doktor yang zimmi (al-Buhuti. 1982). Walaupun begitu seorang doktor dibenarkan melihat sekadar memenuhi keperluan perubatan sahaja tanpa membuka mana-mana bahagian tubuh yang tidak perlu ketika rawatan. Ini kerana hukum asalnya iaitu haram masih kekal.

Bagi fuqaha' Hanafiyyah pula, mereka menambah dengan perlu mengutamakan doktor wanita ketika merawat pesakit wanita. Dalam keadaan ketiadaan doktor wanita atau yang berpengalaman, barulah diharuskan doktor lelaki dengan batasan yang disebutkan di atas demi mengelak berlakunya kebinasaan. Keadaan ini dibenarkan kerana perkara yang dilarang gugur hukum haram ketika darurat tapi masih dalam lingkungan batasan yang diharuskan.

5. Rumusan Dan Cadangan

Kesimpulannya, dari sudut perspektif Islam, penjagaan batas aurat dalam perubatan merupakan aurat yang boleh didedahkan ketika darurat kerana Islam memberikan rukhsah (keringanan) kepada muslim berdasarkan situasi darurat yang dihadapi. Seorang pengamal perubatan perlulah sedar akan hal ini kerana ini termasuk dalam etika perubatan moden iaitu rights (justice) yang bermaksud menghormati pesakit dan hak-hak mereka. Menjaga batas aurat dalam perubatan merupakan hak seorang pesakit muslim.

Tambahan pula, seorang pengamal perubatan moden mahupun tradisional juga mempunyai etika pemakaian yang perlu dipatuhi sewaktu memberikan rawatan terhadap pesakit. Terdapat etika perubatan moden yang selaras dengan etika perubatan Islam yang mana boleh diaplikasikan oleh semua muslim dalam menjaga batas aurat dalam perubatan. Di samping itu, mendedahkan aurat ketika menerima rawatan dikira darurat bagi menjaga salah satu kepentingan asasi seorang muslim iaitu nyawa. Oleh itu, masyarakat perlulah mengambil berat akan hal ini demi menjamin kelangsungan syariat Islam.

Rujukan

Al-Quran.

'Umar 'Abd al-Lah Kamil. (2000). *Al-Rukhsah al-Syar'iyah*. Oman: Dar al-Kutub.

Abdul Rahman Mohd Adil. (2012). *13 Aurat Wanita*. Pustaka Azhar: Johor.

Abu al-Hasan al-Malikiy. (T.th.). *Kifayaat al-Thaalib*, juz 1/215. Cairo: Nineteen Century Press

Abu Ishaq. (T.th.). *Al-Mubadda'*, juz 1/360-363.

Ahmad Adnan Fadzil. (2011). *Aurat Wanita Tua Ketika Sakit & Eddah Wanita Yang Putus Haid*.<http://ilmudanulamak.blogspot.my/2011/04/aurat-wanita-tua-ketika-sakit-eddah.html> [24/1/2018]

Al-Buhuti, Mansur Yunus Idris. (1982). *Kashshaf al-Qina' 'An Matan al-Iqna'*. j.3. Beirut: Dar al-Fikr.

Alias Othman & Anisah Ab. Ghani. (2008). *Islam Yang Mudah*. Selangor: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Al-Muqdisiy. (1997). *Al-Furuu'*, juz 1/285. Beirut: Alam Al-Kutub

Dr. Muhammad Rafiqi Hehsan. (2015). *Q&A Fiqh Perubatan*, c. 3. Selangor: Pts Publishing House.

Farah Wahida Mohd Yusof. (2010). *Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat*. Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia

Ibnu Qudamah. (T.th.) *Al-Mughniy, juz 1/349*. Riyadh: Dar Alam Al-Kutub

Jasmin Jasman. (2003). *Amalan Menutup Aurat Di Kalangan Remaja: Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Sekitar Zon Gombak*. Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Paizah Hj Ismail. (2004). *Jurnal Syariah Jilid 12: Aurat Wanita: Konsep Dan Hukum Mengenainya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Prof. Madya Dr. Basri Ibrahim Al-Azhari. (2017). *Batas Aurat Dalam Islam*. <http://www.abuanasmadani.com/batas-batas-aurat-dalam-islam/> [22/10/2017]